

Masjid dan Pengajian Bhs Arab: Kajian di Gombak Selangor

Md Noor Hussin
Ahmad Redzudin Ghazali
Mohammad Rofian Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Masjid merupakan pusat perkembangan ilmu. Terdapat banyak kelas-kelas pengajian dan pembelajaran yang diadakan samada dlm bentuk formal atau tidak formal. Antara ilmu yang diajarkan ialah ilmu bahasa arab. Walaubagaimanapun, didapati pengajian & pembelajaran bhs arab tidak diajarkan secara menyeluruh. Justeru, kajian ringkas dijalankan untuk mengetahuimlumat-maklumat ringkas berkaitan dengan pembelajaran bhs arab di masjid. Kajian menggunakan beberapa buah masjid id Gombak Selangor sbg sampel.

Masjid Sebagai Pusat Pembelajaran

Perkataan masjid telah disebut sebanyak dua puluh lapan kali oleh Allah swt. di dalam al-Quran (Muhammad Fuad, 1988). Dari sudut Bahasa perkataan Masjid adalah berasal dari kata kerja مسجد – يسجد, iaitu bersujud atau secara lebih tepatnya ialah tempat bersujud, ia juga sering digandingkan dengan perkataan Jami' yang memberi makna sebagai tempat berhimpun untuk menunaikan solat (Al-Maqrizi, 1965). Sementara dari sudut istilah, masjid dilihat bukan sahaja sebagai tempat menunaikan ibadah khusus dalam islam, malah ia juga berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu bagi masyarakat islam. Hal ini dapat dilihat dari sejarah awal Islam dimana Rasulullah telah membina tiga buah masjid di Madinah ketika penghijrahan baginda kesana iaitu Masjid Quba, Masjid Mirbad dan Masjid Nabawi (Ibnu Hisham, 1971), yang mana fungsinya bukan sekadar sebagai tempat berhimpun bagi melakukan solat malah ia juga menjadi wadah bagi bagi penyebaran ilmu bagi masyarakat Islam pada ketika itu.

Nabi Muhammad s.a.w sendiri telah telah meletakkan peranan masjid selaku pusat pelajaran sebagaimana yang telah dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitabnya al-Muwatto' yang bermaksud: Malik menceritakan kepadaku daripada Sumi, hamba kepada Abu Bakar bahawa Abu Bakar bin 'Abd al- Rahman pernah berkata, "Sesiapa yang berpagi atau berpetang ke Masjid yang mana tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk belajar sesuatu ilmu yang baik atau mengajar ilmu itu kemudian dia balik ke rumahnya, seolah- olah dia adalah mujahid yang berperang di jalan Allah dan kembali dengan harta rampasan yang banyak.

Tradisi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu tidak terhenti dengan kewafatan Rasulullah, malah ianya semakin berkembang pesat sejajar dengan perkembangan agama islam itu sendiri. Sistem pendidikan pada zaman Khalifah Rasyidin telah berkembang kesinambungan dari apa yang telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah saw. Penyebaran ilmu masih berpusat di kota Madinah tetapi tuntutan keperluan dan perkembangan agama islam yang semakin meluas dan berkembang pesat pada zaman menjadikan pusat-pusat pendidikan tersebar di bandar-bandar besar seperti kota-kota yang lain selain Madinah seperti Mekah, Basra dan Kufah, Damsyik dan Palestin dan Madrasah Fustat (Mahayudin 1993). Dalam hal ini Masjid kekal sebagai pusat utama penyebaran ilmu walaupun munculnya institusi khas bagi seperti *kuttub* yang diwujudkan untuk aktiviti tersebut (Shalaby, 1976).

Selepas zaman keemasan Islam di waktu kehidupan Rasulullah dan Khulafa' al-Rasyidin masjid kekal sebagai salah satu pusat pengembangan ilmu yang utama. Sebagai contoh, pada zaman pemerintahan Bani Umayyah yang menyaksikan perkembangan ilmu yang amat pantas dan laju, walaupun mempunyai Institusi pendidikan rasmi seperti Kuttab dan majlis-majlis ilmu di istana Khalifah dan rumah pembesar negara, namun masjid kekal sebagai peneraju kepada perkembangan ilmu pada waktu itu. Banyak masjid dibina dan digunakan sebagai pusat pendidikan selain fungsi utamanya sebagai tempat beribadah, diantaranya ialah masjid Amawiyyin / Umawi di kota pusat pemerintahan Bani Umayyah, Damsyik. Menurut Ahmad Shalaby (1976), istana khalifah dan pembesar negara dijadikan sebagai sebuah institusi pengajian bila menyedari betapa perlunya usaha untuk menyiapkan putera-putera mereka dengan ilmu pengetahuan yang mantap agar dapat melaksanakan pekerjaan berat yang akan dipertanggungjawabkan di masa hadapan. Bagaimanapun, istana dan rumah para pembesar dianggap sebagai pusat pendidikan yang tertutup, hanya untuk putera khalifah dan anak-anak pembesar sahaja, dari situlah peranan masjid sebagai pusat pembelajaran yang dapat dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat terserlah.

Masjid terus berkembang sebagai pusat pembangunan ilmusepanjang zaman dan generasi dalam pembinaan insan cemerlang sebagaimana yang dirakamkan dalam lipatan sejarah silam sebagaimana yang telah dilalui oleh Masjid Al-Azhar dan Masjid Amru ibn As di Mesir yang dikenali Masjid Seribu, iaitu masjid yang umur pembinaannya menjangkau seribu tahun, al-Jami al-Umawiyy di Damsyik, Jamik al-Mansur di Baghdad, masjid Zaituna di Tunisia, Jamik al-Qarawiyyin di Fas, Maghribi dan lain-lain lagi. Masjid- masjid ini merupakan model yang boleh dicontohi. Pada mulanya ia hanya berfungsi sebagai masjid biasa. Tetapi lama kelamaan, kelas-kelas agama yang diadakan di masjid tersebut dapat menarik ramai pelajar yang cemerlang dan ulama yang hebat, sehingga namanya harum sebagai pusat pembelajaran tinggi dalam bidang agama Islam. Antara cendekiawan ulung meraih ilmu daripada institusi-institusi ini ialah Ibnu Khaldun yang belajar di Universiti Zaituna di Tunisia dan Sheikh Yusuf Al-Qardhawi yang berkelulusan daripada universiti Al-Azhar di Mesir

Pengajian Bahasa Arab di Masjid:

Institusi pengajian tinggi al-Azhar pada era kecemerlangannya telah memenuhi cita-cita kerajaan Fatimiyyah sebagai sebuah pusat ilmu, kebudayaan dan dakwah Islam secara menyeluruh dan mendalam (Muhammad Abd Allah Inan. 1958: 55-56). Sehubungan dengan ini, Dr. Sobri Salamon menyatakan bahawa sejak era tersebut, fungsi utama al-Azhar menjurus kepada tiga perannya iaitu (Sobri Salamon. 1988: 3; Khitab Atiyyah Ali. 1947: 150-154; Hisan et.al., 1984: 34): Pertama menyampai dan mengajarkan ilmu Islam kepada seluruh manusia. Kedua ialah menyuburkan kebudayaan Islam, dan yang ketiga memelihara kemurnian bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama ajaran agama Islam dan sebagai bahasa ilmiah. Justeru, pendidikan bahasa Arab di masjid telah lama bertapak dan ia berperanan dalam memartabatkan agama Islam di seluruh dunia.

Bahasa Arab mulab ertapak di Malaysia sejak bertahun-tahun yang lalu iaitu pada abad ke 13M seiring dengan kedatangan Islam yang dibawa oleh peniaga-peniaga Arab waktu itu (Ishak Rejab, 1987). Di waktu itu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berlaku samada di masjid atau madrasah dan sudah tentu kaedah pengajarannya melalui pendekatan sehala atau lebih tepat lagi kaedah tradisional. Manakala dalam konteks masyarakat Melayu, pada peringkat awal, pendidikan orang Melayu lebih banyak berorientasikan pendidikan agama. Tumpuan diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an. Ini disebabkan al-Qur'an adalah merupakan sumber rujukan dan sumber ilmu pengetahuan bagi orang Islam.

Kaedah pendidikan yang digunakan begitu informal, yang dijalankan di rumah, surau, madrasah dan masjid. Kemudiannya, terdapat system pendidikan pondok sebagai pusat pembelajaran dan tempat tinggal pelajar. Suasana pendidikan pondok begitu subur di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Pelajar diajar kemahiran asas untuk pandai menulis, membaca dan mengira. Ini membolehkan mereka berupaya membaca dan memahami isi kandungan al-Qur'an. Justeru itu, secara tidak langsung mereka juga mempelajari bahasa Arab. (Khoo Kay Kim, 1980)

Masjid adalah sebuah institusi Islam yang memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu keagamaan. Umum tahu, bahawa penyebaran dakwah Islamiyyah dan ilmu-ilmu keagamaan adalah melalui penggunaan medium bahasa Arab. Para pendakwah telah menjadikan masjid sebagai pusat pembelajaran ilmu-ilmu Islam termasuk bahasa Arab. Menurut Mohd. Yusuf Ahmad, (2008), Di kebanyakan masjid, ilmu-ilmu Islam disampaikan secara kuliah dan halaqah. Iaitu guru yang mengajar duduk bersila di atas lantai dan tidak mempunyai Alat Bantu Mengajar (ABM) kecuali buku atau kitab.

Sejak akhir-akhir ini, pihak pengurusan masjid telah menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana kepada jemaah dalam mengikuti pengajian kursus pendek bahasa Arab. Ia dilihat menjadi satu penggerak dalam usaha memakmurkan masjid sebagai "Zon Bahasa Arab"; tempat mempelajari, mengguna dan menghidupkan bahasa al Quran agar umat Islam dapat menguasainya (Utusan Melayu, 2010). Mohd Yusof (2008) dalam kajiannya mendapati banyak masjid dan surau telah menyediakan kerusi dan meja untuk guru duduk supaya kelihatan lebih tinggi dan dapat dipandang lebih jelas berbanding dengan guru duduk bersila di atas lantai

Secara kesimpulannya, Masjid memainkan peranan yang penting dan berfungsi sebagai tempat untuk orang awam mempelajari bahasa Arab secara konsisten dan pembelajaran bahasa Arab di Masjid telah mendapat sokongan dan pujian dari duta Arab Saudi ke Malaysia Fahad Abdullah Al-Rashid dengan menyifatkan bahawa masjid, institusi khas dan universiti di Malaysia telah Berjaya memainkan peranan mereka dalam memartabatkan bahasa Arab. (Harian Metro, 2010).

Perbincangan Dapatan Kajian.

Kajian ini menggunakan 11 buah masjid sebagai responden mewakili 1/3 daripada jumlah masjid yang terdapat di Daerah Gombak, Selangor. Kajian mendapati sebanyak 5 buah masjid tiada kelas pengajian Bahasa Arab dan yang selebihnya terdapat kelas pengajian Bahasa Arab.

Empat buah masjid yang tiada kelas pengajian Bahasa Arab adalah:

- Masjid Qariah Masjid Ar-Rahimah Jalan 14, Taman Greenwood
- Masjid Jamek Kampung Nakhoda Kampung Nakhoda 68100 Batu Caves
- Masjid Asy-Syarif Simpang 3, Gombak 68100 Batu Caves
- Masjid Jamiatus- Solahiah Jalan Melati, Kg. Sungai Tua Baru
- Masjid Ittifaqiah Sri Gombak.

Kajian juga mendapati daripada sejumlah 6 buah masjid yang mempunyai kelas pengajian Bahasa Arab, 3 daripadanya berbentuk pengajian tidak langsung, iaitu pengajian Bahasa Arab melalui pendekatan tafsir prakata. Melalui pendekatan ini, tenaga pengajar akan menjadikan pengajian Tafsir Al-Quran sebagai subjek utama dan pengajian Bahasa Arab sbg subjek sampingan atau tambahan. Masjid-masjid yang terlibat melalui pendekatan ini ialah:

- Masjid Qariah Masjid Zakaria Batu 8, Gombak Utara
- Masjid Qariah Masjid Sungai Cinchin Batu 7 ¾, Jalan Gombak

- Masjid At-Taqwa Jalan 11C, Selayang Baru 68100 Batu Caves

Pengajian Bahasa Arab melalui pendekatan ini mendapat sambutan yang baik, iaitu sekitar 40-50 orang yang mengikutinya dan diadakan dengan kekerapan dua kali sebulan atau setiap dua minggu. Kajian juga mendapati tenaga pengajar yang terlibat dengan pendekatan ini adalah orang yang sama, iaitu Prof Madya Dr Saupi Man, daripada Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kajian yang dijalankan juga mendapati terdapat 3 buah masjid yang mengadakan kelas pengajian Bahasa Arab secara khusus, iaitu:

- Masjid Al-Mardhiyah Taman Melawati 375, Jalan B6, Taman Melawati
- Masjid Al-Khairiah Taman Seri Gombak, 68100 Batu Caves Gombak
- Masjid As-Syakirin No. 10 Taman Kamariah, KM 9, Jalan Gombak.

i) Masjid Al-Mardhiyah Taman Melawati

Kelas Pengajian Bahasa Arab yang dijalankan di masjid ini ada yang berbentuk mingguan dan ada yang berbentuk bulanan. Pengajian ini menggunakan kitab khusus dan mempunyai pelajar seramai 10-15 orang.

ii) Masjid Al-Khairiah Taman Seri Gombak

Kelas Pengajian Bahasa Arab yang dijalankan di masjid ini ada yang berbentuk mingguan dan melibatkan pelajar seramai 10 orang. Pengajian ini menggunakan silibus dpd pusat Bahasa Arab Selangor.

iii) Masjid As-Syakirin, Jalan Gombak.

Kelas Pengajian Bahasa Arab yang dijalankan di masjid ini ada yang berbentuk mingguan dan melibatkan pelajar seramai 30-40 orang. Pengajian ini menggunakan Kitab khusus. Kelebihan yang dimiliki oleh masjid ini ialah Nazirnya merupakan Pensyarah Jabatan Bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Faktor ini dilihat sebagai penyumbang kepada penyertaan yang agak baik daripada jamaah masjid untuk mengikuti kelas pengajian bahasa Arab.

Penutup:

Kajian mencadangkan supaya diadakan kajian yang lebih khusus untuk mengetahui dengan lebih terperinci isu atau permasalahan sebenar di kalangan pengurusan masjid serta jamaah masjid berkaitan dengan pengajian Bahasa Arab. Ini kerana dapatan umum daripada kajian ringkas yang dijalankan menunjukkan kesemua pihak pengurusan masjid menyedari kepentingan pengajian Bahasa Arab.

Rujukan:

Asmak Haji Ali CikHashim Mat Said (2008) Peranan masjid dalam masyarakat hadhari, dalam fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat hadhari. UTM press : Johor (41-58)

Hisan, Muhammad dan Nadiyah. (1984). *Madâris al-tarbiyyah fi al-hadhârah*

al-Islâmiyyah. Al-Qâherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

IshakMohdRejab, (1987), Kursus Bahasa Arab Bahagian 1, YayasanDakwahIslamiahMalaysia : Kuala Lumpur . m/s :27)

KhitabAtiyyah Ali. (1947). *Al-Talim fi misr fi al-asr al-Fâtimalawwal*. Al-Qâherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

Khoo Kay Kim (1980), Development of Islamic Religious Education InAwangSalleh limit (ed. 1980), Education Towards Unity: A History Perspective, Kuala Lumpur.

Mohd. Yusuf Othman. (1997). MenjanaKelahiranKhairaUmmahMelaluiInstitusi Masjid.Kertaskerja seminar PemantapanInstitusi Masjid: WasilahKeArahKecemerlanganUmat.INMIND.

Muhammad Abd Allah Inan. 1958. Tarikh al-Jami al-Azhar. Al-Qaherah: MatbaahLajnahwaTa'lifwa al-Tarjamahwa al-Nasyr.

Al-Maqrizi, Taqiy al-Din Ahmad bin Ali. 1965. Kitab al-mawaizwa al-itibar al-khitat al-Maqriziyyah. Beirut: Dar Sadir. jil. 1-4.

Mohamad FuadAbd al-Baqiyy.1988, al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim, Dar al-Hadith, al-Qahirah.

Ibn Hisyam. 1971. Al-Sirah al-Nabawiyyah. Beirut: Dar al-Ihya' al-Thurath al-Arabi. Ibn Imad, 1931.

Shadharat al-dhahab fi akhbâr man dhahab.Qâherah: Maktabah al-Qudsi.

Ahmad Shalaby. 1976. *SejarahPendidikan Islam*. Terj.H MuchtarJahja& M SanusiLatief.Singapura:PustakaNasional.

MahayudinYahaya& Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Siri SejarahFajarBakti. Sejarah Islam*. Kuala Lumpur:PenerbitFajarBakti.

Muhammad Sa'id Ramadan Al Buti. 1997. *Fiqh Al-Sirah 2*. Terj.MohdDarusSanawi. Selangor: DewanPustakaFajar.

Norrodzoh Siren, (2008)KomunikasiDalamPenulisanUntuk Masjid , DalamFungsi Dan Peranan masjid dalamasyarakathadhari. UTM press : Johor (121-131)

SobriSalamon. (1988). *Azhar and politics*.Kuala Lumpur: al-Rahmaniyyah

<http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/UsahaMalaysiasokongpembelajaranBahasaArabdipuji/mobile/mArticle : 19/11/2014>

http://eprints.oum.edu.my/550/1/pengajaran_dan_pembelajaran.pdfPENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MASJID, Mohd. Yusuf Ahmad)19/11/2014

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0208&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htmMasjid jadiPusat Bahasa Arab